




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 20 DISEMBER 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	ELAK GUNA BAJA TINJA AYAM, NEWS, SELANGOR KINI -18 TVET PERTANIAN, PERLADANGAN YANG MASIH TERPINGGIR, RENCANA, UM -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5. 6.	FAMA BELI DUKU ELAK LAMBAKAN, DALAM NEGERI, UM -32 FAMA BANTU PASARKAN 326 TAN METRIK DUKU TERENGGANU, NEGERI TERENGGANU, SH -27 MADANI SALES STILL A LIFESAVER FOR MANY FAMILIES, NATION, THE STAR -12 JUALAN AGRO MADANI: 'PEMBELI DAPAT JIMAT, PENIAGA RAIH PENDAPATAN BERGANDA', ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9.	SETAHUN PESAWAH HILANG PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -14 FISHERMEN URGED NOT TO SELL HOUSING PROJECT UNITS, NATIONAL, THE SUN -3 AGRO SALE BOON FOR VILLAGE RESIDENTS, NATION, THE SUN -4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Elak guna baja tinja ayam		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	20 Dec 2023	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	51 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 500
Frequency	Weekly	PR Value	RM 1,500



## Elak guna baja tinja ayam

**SHAH ALAM** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tidak menggalakkan penggunaan baja tinja ayam walaupun tiada peruntukan undang-undang yang menghalang penggunaannya.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata bahan tersebut menyebabkan ketidakselesaan orang ramai kerana berbau busuk dan boleh menyebabkan kelecuman jika bersentuhan dengan tanaman.

"Penggunaan baja tinja ayam juga boleh menyebabkan jangkitan penyakit kepada manusia," katanya di Hari Keusahawanan dan Kurikulum seperti dilapor Bernama pada 13 Disember.

**NORDIN  
ABDUL  
MALEK**



**P**ENGUMUMAN  
rombakan Kabinet  
oleh Perdana  
Menteri baru-baru  
ini meletakkan satu  
harapan baharu kepada saya  
yang sudah berpengalaman  
luas dalam Pendidikan  
dan Latihan Teknikal dan  
Vokasional (TVET) khususnya  
sektor pertanian dan  
perladangan. Sedikit kelegaan  
dan menyimpan harapan  
baharu apabila beberapa  
tokoh yang saya kenali secara  
peribadi dilantik menerajui  
beberapa kementerian  
berkaitan kerangka kerja  
saya seperti Steven Sim Chee  
Keong (Menteri Sumber  
Manusia), Datuk Seri Dr.  
Zamry Abdul Kadir (Menteri  
Pendidikan Tinggi) dan Arthur  
Joseph Kurup (Timbalan  
Menteri Pertanian dan  
Keterjaminan Makanan).

Tatkala nama mereka  
diumumkan Perdana  
Menteri, saya menghantar  
mesej kepada Steven dan  
Arthur. Alhamdulillah, mesej  
saya dijawab sebagai tanda  
persahabatan. Namun, saya  
masih menunggu Zamry  
menjawab panggilan telefon  
saya yang sudah berkali-kali  
tidak diangkat.

Saya tidak mahu  
menjadikan respons telefon  
itu sebagai penilaian terlalu  
awal atau bersifat peribadi  
kepada mereka kerana umum  
mengetahui seluruh Kabinet  
ini sebenarnya sedang  
mengalami ujian dan peluang  
kedua (mungkin terakhir)  
daripada rakvat.

Selain Datuk Seri Johari  
Abdul Ghani (Menteri  
Perladangan dan Komoditi),  
kesemua kenalan rapat saya  
ini menjadi harapan yang  
sangat besar untuk membawa  
perubahan segera kepada  
TVET sektor pertanian dan  
perladangan. Setelah saya  
sangat bosan dengan sikap  
tidak acuh banyak pihak  
sebelum ini yang menjadikan  
TVET dalam kedua-dua sektor  
ini terpinggir begitu teruk.  
Walhal, isu sekuriti makanan  
dan komoditi perladangan  
bukanlah perkara kecil dari  
aspek keterjaminan makanan,  
malah sumber ekonomi utama  
negara.

Sepertimana sedia  
maklum, saya sudah terlibat  
dengan TVET sejak lebih  
25 tahun. Sebahagian besar  
fokus saya adalah pertanian  
dan perladangan. Pengalaman  
menjayakan pelbagai dasar

## TVET pertanian, perladangan yang masih terpinggir



**KEKURANGAN tenaga kerja dalam ladang kelapa sawit sejak tahun lalu mencecah 63.000 orang  
mengakibatkan sektor sawit kerugian RM20 billion. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN**

kerajaan berkaitan, termasuk  
dilantik menganggotai  
pelbagai jawatankuasa  
peringkat kerajaan  
membolehkan saya menilai  
kelemahan dan memberikan  
syor untuk meningkatkan  
penyertaan tenaga mahir  
dalam dua sektor ini terutama  
dalam kalangan generasi  
muda.

Setiap tahun, kita masih  
membincangkan keperluan  
kritikal terhadap tenaga kerja  
kedua-dua sektor ini. Akibat  
mengambil jalan mudah  
dengan menggaji pekerja  
asing, usaha meningkatkan  
penyertaan golongan belia  
melalui TVET masih pada  
tahap sangat lemah.

Kekurangan tenaga kerja  
dalam perladangan terutama  
kelapa sawit sejak tahun  
lalu mencecah 63,000 orang  
mengakibatkan sektor sawit  
kerugian RM20 bilion dalam  
tempoh setahun. Sektor  
pertanian yang dilaporkan  
mempunyai 240,000 pekerja  
sektor pertanian tahun lalu,  
hanya 15 peratus diceburi  
golongan belia tempatan.  
Bakinya diisi warga emas atau  
tenaga kerja asing.

Rekod Jabatan Imigresen  
pada 2019 menunjukkan  
kira-kira 70 peratus daripada  
156,334 pekerja asing aktif  
di negara ini adalah dalam

subsektor tanaman. Masalah  
ini bukan sahaja memberi  
pelbagai kesan buruk  
kepada ekonomi negara,  
malah sampai ke satu tahap  
wujudnya kartel warga asing  
yang sukar untuk dikawal.

### UNESCO

Saya lebih suka mengulas  
TVET dari definisi sebenar  
termasuk peringkat  
antarabangsa seperti  
takrifan Forum Ekonomi  
Dunia (WEF), Pertubuhan  
Buruh Antarabangsa (ILO),  
Pertubuhan Pendidikan,  
Sains dan Kebudayaan  
Pertubuhan Bangsa-Bangsa  
Bersatu (UNESCO) hinggalah  
Kod Amalan Akreditasi  
TVET (COPTA) Malaysia  
yang antaranya menegaskan  
TVET adalah bidang latihan  
kemahiran berasaskan  
pekerjaan bagi membolehkan  
individu mempunyai  
keupayaan bekerja dalam  
bidang berkaitan (bukan  
dalam kerangka akademik).

Rentetan kenyataan  
tersebut, angka pengukur  
utama kepada jumlah  
pekerja mahir diperakunkan  
antaranya Sijil Kemahiran  
Malaysia (SKM), Jabatan  
Pembangunan Kemahiran  
(JPK), Kementerian Sumber  
Manusia.

Jika dilihat statistik JPK

dalam tempoh 10 tahun (2012-  
2022), jumlah keseluruhan  
pensijilan SKM dalam  
perladangan dan pertanian  
hanyalah sekitar 8,391  
dalam semua tahap (tidak  
menggambarkan bilangan  
graduan sebenar kerana orang  
yang sama turut memiliki  
pelbagai tahap dalam tahun  
sama).

Pada tahun ini, data JPK  
sehingga September 2023  
menunjukkan bilangan semua  
pensijilan dalam pertanian,  
perhutanan dan perikanan  
hanyalah 2,153 daripada  
keseluruhan pensijilan SKM  
dalam semua bidang iaitu  
63,000. Ini menunjukkan  
bawah 3.5 peratus pensijilan  
berkaitan dua sektor ini  
dikeluarkan bagi tahun ini  
dan tahun-tahun sebelumnya  
berbanding bidang-bidang  
lain.

Rekod 2012-2022  
membuktikan hanya 950  
pensijilan SKM Penyelha  
dan Operasi Ladang Sawit  
dianugerahkan oleh JPK.  
Sedangkan saya sendiri  
pernah menganugerahkan  
hampir 1,000 graduan SKM  
setahun ketika era aktif  
kami sekitar 2008-2012.  
Apabila swasta seperti kami  
tidak memainkan peranan,  
penyertaan aktif dan  
produktif tidak berlaku lagi.

Pelbagai cadangan telah  
dikemukakan kepada  
pelbagai pihak seperti JPK,  
Kementerian Perladangan  
dan Komoditi, Kementerian  
Pertanian dan Keterjaminan  
Makanan (KPKM), namun  
hampir semuanya menemui  
kegagalan kerana pelbagai  
faktor utama. Antaranya  
ketua-ketua jabatan tidak  
melihat pembangunan  
sumber manusia tempatan  
dalam kedua-dua sektor  
ini sebagai isu sangat  
meruncing untuk negara  
yang perlu ditangani, sikap  
tolak-menolak antara agensi  
yang akhirnya tiada siapa  
bertindak, ketua-ketua  
jabatan yang bukan berlatar  
belakang serta memahami  
aspek teknikal khususnya  
TVET dan jalan mudah semua  
pihak termasuk majikan  
untuk menggaji pekerja  
asing.

Lebih malang, berlaku  
sindrom kebelakangan  
ini seolah-olah anti untuk  
bekerjasama dengan institusi  
latihan swasta sehingga  
ada tender terbuka latihan  
perladangan dibatalkan  
saat akhir. Kononnya agensi  
mahu melaksanakannya  
sendiri walaupun hakikatnya  
mereka tiada kapasiti untuk  
melakukannya dan kos jauh  
lebih tinggi jika dijalankan  
sendiri.

Akhirnya, majikan  
merungut sudah hampir  
habis 2023, latihan kemahiran  
perladangan masih belum  
terlaksana seperti sepatutnya  
kerana ketua-ketua jabatan  
tidak faham kaedah  
pelaksanaan TVET pertanian  
dan perladangan, kekangan  
dan jalan penyelesaian.

Maka sudah tiba masanya  
kita perlu menghentikan  
sikap bodoh sombong  
selama ini yang semakin  
merugikan negara. Kami yang  
berpengalaman sudah dapat  
melihat bencana masa depan  
bakal menjadi semakin parah.  
Kembalikan kegemilangan  
kerjasama kerajaan dan  
pusat latihan swasta untuk  
meningkatkan TVET  
pertanian dan perladangan  
secara cepat, cekap, jimat  
dan berkesan. Selamatkan  
Malaysia sebelum terlambat.

PENULIS ialah Pengerusi Eksekutif  
Institut Agro Usahawan (IGROW)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

## FAMA beli duku elak lambakan

**HULU TERENGGANU:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu membuat pembelian 326 tan metrik duku bernilai lebih RM461,000 pada musim buah tersebut dari September hingga Oktober lalu.

Pengarahnya, Nukman Hashim berkata, pembelian pada harga RM1.30 hingga RM2 sekilogram duku Terengganu itu bagi membantu menambahkan pendapatan pekebun tempatan serta mengelak lambakan buah tersebut.

Menurutnya, operasi pemasaran FAMA difokuskan kepada pasaran luar terutamanya kawasan Lembah Klang dengan purata 10 hingga 12 tan metrik sepanjang musim duku lalu.

20/12/2023

SINAR  
HARIANNEGERI  
TERENGGANU

27

## FAMA bantu pasarkan 326 tan metrik duku Terengganu



Nukman (dua dari kanan) melawat tapak cadangan pusat pengumpulan hasil pertanian di Kampung Tanjung Putat, Hulu Terengganu pada Selasa.

**HULU TERENGGANU** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu telah membeli sebanyak 326 tan metrik duku bernilai lebih RM461,000 daripada 13 pengumpul di seluruh negeri ini.

Pengarahnya, Nukman Hashim menyatakan pembelian pada harga duku Terengganu sebanyak RM1.30 hingga RM2 sekilogram itu bertujuan mengatasi masalah lambakan buah berkenaan selain membantu pekebun menambah pendapatan.

Menurutnya, FAMA melaksanakan intervensi pemasaran secara terus di empat daerah iaitu Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang dan Dungun melibatkan 13 pengumpul duku.

"Keseluruhan pengeluaran duku seluruh Terengganu sebanyak 3734.4 tan metrik dengan anggaran nilai berjumlah RM6.72 juta melibatkan keluasan tanaman

sebanyak 831.4 hektar.

"Hulu Terengganu merupakan daerah pengeluaran utama iaitu anggaran pengeluaran sebanyak 1872.7 tan metrik bernilai RM3.37 juta di tanah keluasan sebanyak 428.6 hektar.

"Daerah itu juga antara pengeluar utama hasil pertanian dan buah-buahan bermusim," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat tapak cadangan pusat pengumpulan hasil pertanian di Kampung Tanjung Putat, dekat sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Nukman berkata, pihaknya lebih memberi fokus kepada pasaran luar terutama di Lembah Klang.

"Sepanjang musim duku pada September hingga Oktober lalu, kita memasarkan dalam purata 10 hingga 12 tan metrik ke Lembah Klang," ujarnya.

# Madani sales still a lifesaver for many families

**TAMPIN:** Every time the Madani Agro Sale is held here, Ropeah Mat Said is among those who never miss the opportunity.

The housewife from Kampung Pondo Village said she, along with her children and grandchildren, will go to the location as early as 8am so that she would not miss out on any promotion or discount.

She said the opportunity to buy foodstuff at cheaper prices at the Madani Agro Sale site should not be ignored by the people.

"The Rahmah price offered will certainly be able to reduce the burden of the high cost of living and help us save," she said when met by Bernama at the compound of the Masjid Jamek Tuanku Besar, which is about a 20-minute drive from her home.

Ropeah, 53, said she had been going to the Madani Agro Sale since she knew about it.

"I found out about today's Madani Agro Sale through the village's WhatsApp group two to three days ago.

"It helps me stock up on some of the items such as cooking oil, rice and eggs at a cheaper price, sometimes by up to RM5.

"I can even buy vegetables for RM1 a bundle. It's worth it," she said.

Zali Shaari, 59, a retiree from



## Crowd puller:

Shoppers making the most of the opportunity to get basic necessities at reasonable prices at the Madani Agro Sale on the grounds of Masjid Jamek Tuanku Besar in Tampin. — Bernama

Taman Bukit Tampin, said he does not want to miss out on the opportunity to buy foodstuff at the Madani Agro Sale because it is cheaper and of better quality than at supermarkets or grocery stores.

The father of eight said he hopes the programme would be held more often, at least twice or thrice a month, to help the people cope with the rising cost of living.

"It allows people, especially those from the low-income group, to have their meals with seafood such as prawns and squid which

are very expensive in the market. "I bought 10kg of local white rice for only RM26, compared with RM40 outside," he added.

Zaili thanked the government for the initiative and hopes that the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) or the Agriculture Department would hold more of such programmes.

Agricultural entrepreneur Zainah Yaakub, 50, described the programme as a "win-win situation" because it not only benefits consumers but also participating entrepreneurs.

"Farmers can sell their produce directly to consumers without the need to go through middlemen, which will certainly increase their (farmers') income and profit margin. As for consumers, they get fresh produce at a cheaper price," Zainah said.

Negri Sembilan Fama deputy director (development and management services) Kamaliah Yusoff said a total of 27 local entrepreneurs participated in the Madani Agro Sale here.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Jualan Agro Madani: 'Pembeli dapat jimat, peniaga raih pendapatan berganda'



*Program itu memberi manfaat sekurang-kurangnya kepada 1,000 isi rumah dengan penjualan pelbagai barangan keperluan pada harga sekurang-kurangnya 20 peratus lebih murah daripada pasaran. - Astro AWANI*

**KUALA LUMPUR:** Penganjuran Jualan Agro Madani terutamanya di pekan kecil dan kawasan luar bandar jelas memberi impak positif kepada segenap lapisan masyarakat dalam meringankan beban kos sara hidup

yang semakin tinggi.

Bukan sahaja pengguna dapat membeli barangan keperluan harian dalam harga yang lebih murah dan berpatutan, malahan kumpulan peniaga terlibat juga mampu melonjakkan hasil pendapatan sehingga lebih dua kali ganda.



*Peniaga ayam, Mohd Amir Ismail, 47*

Bagi peniaga ayam segar, Mohd Amir Ismail, 47, yang pertama kali menyertai program Jualan Agro Madani berkata, pada kebiasaan dia hanya menjual sekitar 800 ekor ayam segar di beberapa pusat jualan di sekitar Negeri Sembilan.

Namun ujaranya, kuantiti jualannya bertambah 450 ekor pada program jualan berkenaan dan menyifatkan penganjuran itu sebagai situasi 'menang-menang' kepada peniaga dalam meningkatkan jualan selain pengguna dapat membeli dengan harga yang murah.

"Kebiasaannya kalau saya jual di pasaran biasa seekor ayam harganya sekitar RM16 hingga RM20 bergantung kepada saiz, tetapi pada program ini kita hanya jual RM13 seekor.

"Sebagai peniaga yang pertama kali diberi peluang berniaga pada Jualan Agro Madani ni saya rasa seronok apabila dapat bantu ringankan beban orang ramai beli ayam segar dengan harga lebih murah dan secara tidak langsung kuantiti jualan dan pendapatan saya juga bertambah," katanya ketika ditemui pada program Jualan Agro Madani di Masjid Tuanku Besar di sini pada Selasa.



*Peniaga rendang maman, Halimah Bulat, 61*

Sementara itu, bagi peniaga rendang maman yang merupakan makanan ikonik Negeri Sembilan, Halimah Bulat, 61, menerusi platform Jualan Agro Madani, dia dapat meningkatkan pendapatannya berlipat kali ganda.

“Saya berniaga rendang maman ini sejak 12 tahun lalu dan biasanya pendapatan saya hanya sekitar

RM2,000, namun selepas aktif menyertai program dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ini pendapatan saya memang berlipat ganda lah.

“Program jualan ini bukan sahaja platform bagi pengguna berjimat, tetapi ini juga saya lihat sebagai satu ruang peniaga kecil seperti saya tambah ‘duit poket’ apabila sekurang-kurangnya 30 kilogram (kg) jualan rendang maman saya laris,” katanya.



*Pengguna, Hamidah Ibrahim, 73*

Bagi pelanggan warga emas Hamidah Ibrahim, 73, mengakui sangat berpuas hati dengan harga barangan keperluan yang dijual pada harga lebih murah.

“Apabila kawan-kawan kariah masjid beritahu ada program ini dekat dengan kawasan kami, memang saya dah rancang nak berbelanja sebab kita tahu

harganya murahkan.

“Cumanya saya harap jualan ini dapat diteruskan lah dan kerap diadakan di kawasan kami kerana banyak manfaatnya lebih-lebih lagi pada warga-warga emas yang tak banyak pendapatan,” katanya.

Kelegaan sama turut dikongsi seorang pekerja swasta, Lukman Hakim Abdullah, 32, yang menyifatkan tawaran harga murah pada program jualan Agro Madani dapat memberi kelegaan kepada setiap ketua keluarga.

“Kalau nak ikutkan sekarang ni kehidupan kos hidup makin tinggi, jadi bila adanya program macam sebegini sedikit sebanyak dapat bantu kurangkan bebanan.

“Dengan gaji yang tidak seberapa, kita nak berbelanja di pasaraya pun adakalanya rasa takut dan saya harap program ini diteruskan atau dapat diadakan sebulan dua kali lebih bagus,” ujar bapa satu anak itu.

Jualan Agro Madani yang diadakan lima jam di Masjid Tuanku Besar di sini, pada Selasa membabitkan 27 usahawan khususnya peniaga tempatan.



Program itu memberi manfaat sekurang-kurangnya kepada 1,000 isi rumah dengan penjualan pelbagai barangan keperluan pada harga sekurang-kurangnya 20 peratus lebih murah daripada pasaran.

Antaranya minyak peket yang dijual dengan harga RM2, daging segar RM36 berbanding RM40 harga biasa serta 1,000 kampak beras putih tempatan dengan harga RM26.

## Setahun pesawah hilang pendapatan

**HULU TERENGGANU** – Seramai 25 peserta projek Tanaman Padi Berkelompok Kampung Tok Lawit/Paya Rapat hilang mata pencarian utama setelah bendang mereka seluas 48 hektar terjejas teruk ekoran banjir luar biasa melanda daerah ini pada tahun lalu.

Banjir luar biasa yang melanda dua kali pada Februari dan Disember 2022 tersebut menyebabkan penanaman padi tidak dapat ditusahakan di kawasan projek berkenaan.

Ketua Unit Peladang projek tersebut, Johari Chik, 60, berkata, banjir luar biasa tersebut bukan sahaja merosakkan sistem pengairan, malah menjejaskan kualiti padi ditanam.

"Kebanyakan padi yang ditanam sepanjang tahun ini terkena penyakit dengan batangnya menjadi buruk dan tangkainya tidak mengeluarkan buah.

"Sebahagian sistem pengairan pula masih mengalami kerosakan teruk," katanya ke-

tika ditemui di Kampung Tok Lawit, di sini semalam.

Johari berkata, sistem pengairan tersebut dijangka siap diperbaiki pada pertengahan bulan depan.

Jelas beliau, masalah berkenaan menyebabkan pengeluaran bagi setiap musim merosot teruk kepada 70 metrik tan berbanding kapasiti sebenar 180 metrik tan.

"Ia menyebabkan kesemua 25 peserta projek Tanaman Padi Berkelompok Kampung Tok Lawit/Paya Rapat mengalami kerugian keseluruhan lebih RM1000000.

"Sebahagian besar peserta yang kehilangan sumber pendapatan terpaksa melakukan kerja-kerja kampung lain bagi menampung kehidupan," katanya.

Tambahnya, mereka hanya mampu berserah dan berdoa agar banjir di daerah ini yang baru pulih keilmarin tidak berulang semula.



**PESAWAH** menunjukkan bendang mereka yang belum boleh diusahakan sepenuhnya ekoran banjir besar tahun lalu ketika ditemui di Hulu Terengganu semalam.

# Fishermen urged not to sell housing project units

**KUANTAN:** Recipients of houses under the Fisherman Resettlement Programme yesterday were told not to sell their property.

Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail said the price of the houses is set at RM35,000 per unit and categorised as low-cost houses, with the owners exempted from stamp duty.

"They are also given a reduction in the deposit payment for electricity and water metres. These houses are provided to help them own a house. So, they should not sell their units.

"The state government will monitor it

through the fishermen's association," he said after handing the house keys to 16 recipients of the Bunut Redang housing project here yesterday.

The project involved the construction of 154 housing units, with a total of 126 recipients for phases one and two receiving their house keys last year and in 2020.

Twelve others will receive their house keys next year.

Several additional facilities are being built at the housing area, including a hall, futsal court, shop building, kindergarden and a fisherman's store, which are expected to be

completed next year.

Zulkifli Abdullah, 45, who has three children, said he was grateful to be able to own a house after waiting for so long.

"I am very happy. Now, my family and I are staying at my parents' house and we are glad that we can finally move to our own house," he said.

Another recipient, Mohd Zulkifli Jusoh, 52, thanked the government for providing the opportunity for the less fortunate to be house owners.

"Finally, at aged 50, I can own a house," said the father of nine. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2023	THE SUN	NATION	4

## Agro sale boon for village residents

**TAMPIN:** Every time a Madani Agro Sale is held, Kampung Pondo housewife Ropeah Mat Said, 53, would never miss the opportunity to take advantage of the promotions and discounts offered.

With her children and grandchildren, they would go to the location at Masjid Jamek Tuanku Besar as early as 8am.

"The prices offered reduces the burden of the high cost of living and helps me save on expenses," she said, adding that she had been planning to go for the sale since the first time she heard about it.

"I found out about this sale through the village WhatsApp group about two or three days ago and I am happy it is being held.

"It helps me stock up on some items at home, like cooking oil, rice and eggs at a cheaper price. I can even buy vegetables for RM1 a bundle."

Zaili Shaari, 59, a retiree from Taman Bukit Tampin, said he did not want to miss the opportunity to buy sundries at the sale because the prices are cheaper and of better quality than supermarkets or grocery stores.

The father of eight expressed hope the event would be held more often, at least twice or three times a month, to help the underprivileged cope with the rising cost of living.

"By doing their marketing here, people from the low-income group also get to have meals with seafood such as prawns and squid, which are very expensive in the market. It is only sold at RM28 per kg here.

"I bought local white rice for only RM26 for 10kg, while it is RM40 elsewhere."

He thanked the government for the initiative and hoped the Federal Agricultural Marketing Authority or the Agriculture Department would hold the event more often.

Meanwhile, agriculture entrepreneur Zainah Yaakub, 50, described the event as a win-win situation because it does not only benefit consumers but also participating entrepreneurs.

"This is because farmers could sell their produce directly to consumers without the need to go through middlemen, which will certainly increase their income and profit margin.

"For consumers, they get fresh produce at a cheaper price," he added. - Bernama